

Perdana Menteri umumkan senarai kabinet

UM 11.12.99

54

Sembilan menteri baru

Oleh OTHMAN MOHAMAD
dan AZNAN BAKAR

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

UM 11.12.99

Sembilan menteri baru

PUTRAJAYA 10 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan senarai kabinet barunya dengan melantik sembilan menteri baru dan tidak menyenaraikan semula lapan menteri.

Barisan kabinet kali ini juga tidak mempunyai wakil dari Kelantan dan Terengganu yang diperintah oleh Pas.

Perdana Menteri mengumumkan barisan kabinet tersebut pada sidang akhbar di pejabatnya di sini. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Salah seorang menteri baru yang pelantikannya disifatkan satu kejutan ialah bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Musa Mohamad, yang menerajui Kementerian Pendidikan.

Beliau akan mengangkat sumpah sebagai senator pada Isnin 13 Disember ini bersama-sama Datuk Dr. Abdul Hamid Othman yang dilantik semula sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

● Senarai penuh muka 3

Abdul Hamid gagal mempertahankan kerusi Parlimen Sik pada pilihan raya lalu apabila tewas kepada calon Pas, Datuk Shahnun Ahmad.

Dr. Mahathir seperti dijangka mengekalkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Tun Daim Zainuddin juga terus memegang jawatan Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri.

Menteri baru yang lain ialah Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Dr. Rais Yatim (kedua-duanya di Jabatan Perdana Menteri), Datuk Dr. Fong Chan Onn (Sumber Manusia), Datuk Ong Ka Ting (Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Datuk Nazri Abdul Aziz (Pembangunan Usahawan), Datuk Hishammuddin

■ Lihat muka 8

Tun Hussein (Belia dan Sukan), Datuk Effendi Norwawi (Pertanian) dan Datuk Azmi Khalid (Pembangunan Luar Bandar).

Menteri yang tidak disenaraikan semula ialah bekas Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud; Setiausaha Agung MCA yang juga bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Ting Chiew Peh; bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail; dan tiga menteri yang tewas dalam pilihan raya lalu iaitu Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob (Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Datuk Mustapa Mohamed (Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Pembangunan Usahawan) dan Datuk Annuar Musa (Menteri Pembangunan Luar Bandar).

Turut tidak tersenarai ialah bekas Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar Mustapha dan bekas Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, kedua-duanya tidak bertanding pada pilihan raya umum lepas.

Ketika ditanya mengenai Ting, Dr. Mahathir memberitahu bahawa ia keputusan MCA.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, satu-satunya wakil Parlimen Barisan Nasional (BN) di Kelantan juga tidak disenaraikan dalam kabinet baru ini.

Dr. Mahathir menegaskan, banyak kriteria diambil kira dalam membentuk kabinet termasuklah imbalan antara negeri, parti-parti komponen, jantina, muka baru dan muka lama.

Perdana Menteri selaku Pengerusi BN yang mengekalkan kejayaan dua pertiga pada pilihan raya umum 11 hari lalu, berkata Yang di-Pertuan Agong telah pun memperkenankan senarai tersebut semasa beliau menghadap Seri Paduka di Istana Negara pagi tadi.

Katanya, istiadat pengurniaan surat cara pelantikan dan mengangkat sumpah jawatan, taat setia serta sumpah menyimpan rahsia oleh para menteri dan timbalan menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong akan diadakan di Istana Negara pada Selasa, 14 Disember ini.

Sementara itu para pemimpin komponen BN yang sebelum ini membarisi kabinet, terus diberikan kepercayaan menerajui Kementerian masing-masing.

Mereka ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik (Pengangkutan), Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu (Kerja Raya), Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik (Perusahaan Utama), Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak, Datuk Amar Leo Moggie (Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia) dan Presiden Akar, Datuk Pandikar Amin Mulia (Menteri di Jabatan Perdana Menteri).

Selain itu Setiausaha Agung UMNO, Datuk Khalil Yaakob, kekal sebagai Menteri Penerangan, Datuk Seri Rafidah Aziz (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Datuk Chua Jui Meng (Menteri Kesihatan).

Datuk Seri Syed Hamid Albar (Menteri Luar), Tan Sri Kasitah Gadam (Tanah dan Pembangunan Koperasi) dan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir juga kekal sebagai Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Menteri-menteri yang beralih kementerian pula ialah Datuk Seri Najib Tun Razak iaitu dari Kementerian Pendidikan ke Kementerian Pertahanan yang pernah diterajunya; Tan Sri Muhyiddin Yassin, dari Kementerian Belia dan Sukan ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Ditanya sama ada pertukaran Najib ada kaitan dengan kemerosotan pencapaiannya dalam pilihan raya lalu, Dr. Mahathir menegaskan: "Tidak, ia kerana kita melantik seorang menteri baru dari luar."

Katanya, pelantikan 'orang luar' memberi peluang kepada golongan cerdik pandai yang berkebolehan untuk memberi sumbangan kepada kerajaan.

"Mungkin ada suntikan idea-idea baru kerana kita dapati ramai daripada cerdik pandai yang ada di luar, umpamanya tak dapat sertai UMNO secara berkesan sebab proses naik pangkat dalam cawangan dan bahagian mengambil masa yang terlalu panjang," tambah beliau lagi.

Sementara itu Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman beralih dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan manakala bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Mohd Shariff Omar sebagai Timbalan Menteri Pertanian.

Bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin pula dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri.

Mengenai Timbalan-timbalan Menteri, Dr. Mahathir banyak menampilkan muka-muka baru.

Mereka terdiri daripada Tengku Azlan Sultan Abu Bakar dan Datuk Shahrizat Abdul Jalil (di Jabatan Perdana Menteri), Datuk Zainal Abidin Zin dan Datuk Chor Chee Heung (Kementerian Dalam Negeri); Mohamed Khaled Nordin (Kerja Raya); Hanifah Aman (Perusahaan Utama).

Datuk Tan Chai Ho (Tenaga, Komunikasi dan Multimedia); Datuk Zainal Dahalan (Sains, Teknologi dan Alam Sekitar); Dr. Tan Chee Kwong (Tanah dan Pembangunan Koperasi); Tiki anak Lafe (Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat).

Datuk Dr. Ng Yen Yen (Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan); Dr. Abdul Latiff Ahmad (Sumber Manusia); Rizalman Abdullah (Pembangunan Usahawan); Datuk G. Palanivel (Pembangunan Luar Bandar); Datuk Ong Tee Kiat (Belia dan Sukan) dan Senator Abdul Aziz Samsuddin (Pendidikan).

Mengenai harta menteri-menteri kabinet, Dr. Mahathir berkata, mereka dikehendaki mengisytiharkan harta masing-masing kepadanya secara lebih sistematik memandangkan pada masa lepas terdapat juga menteri yang tidak berbuat demikian.